

17 JAN 2000

Singapura-Malaysia

PERTEMUAN GOH-MAHATHIR MUNGKIN TETAPKAN ARAH BAGI SELESAI ISU  
TERTANGGUH

SINGAPURA, 17 Jan (Bernama) -- Satu mesyuarat yang dicadangkan antara Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mungkin menghasilkan "sesuatu hala tuju" bagi perbincangan membabitkan pakej isu-isu antara kedua-dua negara, kata Menteri Luar Singapura S.Jayakumar.

"Bila sebenarnya pertemuan itu akan berlangsung, saya tidak tahu, dan juga saya tidak mahu meramalkan hasil pertemuan itu.

"Tetapi saya menjangkakan bahawa apabila kedua-dua perdana menteri bertemu, satu kemungkinan ialah mereka mungkin menetapkan sesuatu arah kepada para pegawai mengenai persoalan menyeluruh membabitkan pakej perbincangan," kata Jayakumar di Parlimen hari ini.

Baru-baru ini Goh berkata beliau berharap dapat bertemu Dr Mahathir selepas Tahun Baru Cina bagi membincangkan perkara-perkara dua hala yang tertangguh termasuk perjanjian baru air bagi Singapura dan status tanah kereta api milik Malaysia di republik itu.

Dr Mahathir berkata beliau sedia bertemu Goh. Pada pertemuan sampingan di Sidang Kemuncak Asean di Hanoi pada Disember 1998, kedua-dua pemimpin bersetuju menyelesaikan beberapa isu dua hala yang tertangguh dalam satu pakej.

Tahun Baru Cina akan disambut pada 5 Feb dan 6 Feb ini.

Para pegawai kedua-dua negara telah bertemu sebanyak tiga kali antara Mac dan Mei tahun lepas. Malaysia akan menjadi tuan rumah mesyuarat keempat.

Jayakumar juga berkata bahawa meskipun "berlaku turun naik", secara keseluruhannya hubungan dua hala terus dikekalkan.

Selain perjanjian air dan isu tanah kereta api, pakej perbincangan juga meliputi larangan penggunaan ruang udara Malaysia kepada Tentera Udara Singapura, simpanan pencen rakyat Semenanjung Malaysia yang dipegang oleh Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura dan lokasi pusat pemeriksaan imigresen dan kastam Malaysia di stesen kereta api milik Malaysia di republik itu.

Ditanya oleh seorang anggota parlimen sama ada terdapat terlalu banyak isu dalam pakej itu, Jayakumar berkata Goh dan Dr Mahathir telah bersetuju mengkajinya sebagai satu pakej kerana pendekatan lepas untuk menanganinya secara berasingan tidak membuahkan hasil.

-- BERNAMA

TCL LAT MAI